



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK TENAGA BURUH *LABOUR FORCE STATISTICS*

MEI
MAY

2026



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK TENAGA BURUH LABOUR FORCE STATISTICS MALAYSIA

MEI | 2026
MAY

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)**, bertemakan “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub ialah platform komprehensif yang mengintegrasikan institusi, data dan teknologi bagi menyediakan maklumat pasaran buruh yang relevan, tepat dan mudah diakses. Dapatkan data pasaran buruh Malaysia melalui *MyLabourHub* di <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.

Announcement

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, running from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.*

***Malaysia** has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by *Open Data Watch* (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.*

***OpenDOSM NextGen** is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users’ analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

***MyLabourHub** is a comprehensive platform that integrates institutions, data and technology to deliver relevant, accurate and accessible labour market information. Access the labour market data for Malaysia at <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.*

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh/ *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia
Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram/ YouTube	: StatsMalaysia
E-mel / <i>E-mail</i>	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/ <i>general inquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data/ <i>enquiries & data request</i>)

Diterbitkan pada 10 Julai 2026 / *Published on 10 July 2026*

Hakcipta terpelihara / All rights reserved

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in the database without the prior written permission from the Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

eISSN 3122-749X

Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, bulanan membentangkan statistik berkaitan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran yang diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB) melalui pendekatan isi rumah. Pelaksanaan STB adalah berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization* (ILO) dengan merujuk kepada *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*.

Statistik tenaga buruh merupakan input penting untuk menganalisis pasaran buruh, menggubal dasar serta merancang, melaksana dan memantau program terutamanya berkaitan pembangunan sumber manusia. Statistik ini juga menjadi rujukan penting kepada penyelidik, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu yang terlibat dalam kajian berkaitan guna tenaga dan pasaran buruh.

Laporan Tenaga Buruh bagi Mei 2026 memperihalkan kedudukan penawaran tenaga buruh berdasarkan situasi semasa. Laporan ini juga menghuraikan perubahan bulan ke bulan untuk mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan laporan ini pada masa hadapan amat dihargai.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Julai 2026

The monthly Labour Force Report, Malaysia, presents statistics of the labour force, employment and unemployment obtained from the Labour Force Survey (LFS) through a household approach. The implementation of the LFS is based on the guidelines and recommendations of the International Labour Organization (ILO) with reference to the Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods.

The labour force statistics are vital input for labour market analysis, policy formulation, as well as planning, implementing, and monitoring programmes, particularly related to human resource development. These statistics also serve as essential references for researchers, economists, academicians, the private sector, and individuals involved in research related to employment and the labour market.

The Labour Force Report for May 2026 describes the labour supply condition based on the current situation. The report also elaborates on the month-on-month changes to examine the immediate effects of recent events.

The Department of Statistics Malaysia gratefully acknowledges the cooperation and contribution rendered by all parties in making this publication a success. Every piece of feedback and suggestion towards improving future reports is highly appreciated.

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

July 2026

ISI KANDUNGAN

CONTENTS

	MUKA SURAT
	Page
Isi Kandungan	i
<i>Contents</i>	
Glosari	iv
<i>Glossary</i>	<i>vi</i>
Akronim	viii
<i>Acronyms</i>	<i>ix</i>
Infografik	x
<i>Infographic</i>	<i>xii</i>
Nota Penerangan	xiv
<i>Explanatory Notes</i>	
Ringkasan Penemuan	
<i>Summary of Findings</i>	
Sorotan Utama	1
<i>Key Reviews</i>	<i>10</i>
1. Pengenalan	2
<i>Introduction</i>	<i>11</i>
2. Penduduk Bekerja	3
<i>Employed Persons</i>	<i>11</i>
3. Pengangguran	4
<i>Unemployment</i>	<i>13</i>
4. Tenaga Buruh	5
<i>Labour Force</i>	<i>14</i>
5. Luar Tenaga Buruh	6
<i>Outside Labour Force</i>	<i>15</i>
6. Menuju ke Hadapan	7
<i>Looking Ahead</i>	<i>16</i>
Nota Teknikal	51
<i>Technical Notes</i>	<i>55</i>

Senarai Jadual

List of Tables

Jadual A	Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2025	19
<i>Table A</i>	<i>Principal statistics of the labour force, Malaysia, 1982 - 2025</i>	
Jadual B	Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Pertama 2026	20
<i>Table B</i>	<i>Principal statistics of the labour force, Malaysia, First Quarter 2010 - First Quarter 2026</i>	
Jadual B1	Penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2026	22
<i>Table B1</i>	<i>Employed person working less than 30 hours per week by sex and age group, Malaysia, First Quarter 2017 - First Quarter 2026</i>	
Jadual B2	Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2026	23
<i>Table B2</i>	<i>Time-related underemployment by sex and age group, Malaysia, First Quarter 2017 - First Quarter 2026</i>	
Jadual B3	Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2026	24
<i>Table B3</i>	<i>Skill-related underemployment by sex and age group, Malaysia, First Quarter 2017 - First Quarter 2026</i>	
Jadual C	Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - Mei 2026	25
<i>Table C</i>	<i>Principal statistics of the labour force, Malaysia, January 2010 - May 2026</i>	
Jadual C1	Statistik utama tenaga buruh pelarasan bermusim, Malaysia, Januari 2010 - Mei 2026	30
<i>Table C1</i>	<i>Seasonally adjusted principal statistics of the labour force, Malaysia, January 2010 - May 2026</i>	
Jadual C2	Bilangan penganggur mengikut kategori dan tempoh menganggur, Januari 2016 - Mei 2026	35
<i>Table C2</i>	<i>Number of unemployed persons by category and duration of unemployment, January 2016 - May 2026</i>	
Jadual C3	Pengangguran dan kadar pengangguran belia mengikut kumpulan umur terpilih, Januari 2016 - Mei 2026	38
<i>Table C3</i>	<i>Youth unemployment and unemployment rate by selected age group, January 2016 - May 2026</i>	

Senarai Jadual

List of Tables

Jadual C4	Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Januari 2016 - Mei 2026	41
<i>Table C4</i>	<i>Employed persons by status in employment, January 2016 - May 2026</i>	
Jadual D	Penduduk bekerja mengikut pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2025	44
<i>Table D</i>	<i>Employed persons by occupation, Malaysia, 1982 - 2025</i>	
Jadual E	Penduduk bekerja mengikut industri, Malaysia, 1982 - 2025	45
<i>Table E</i>	<i>Employed persons by industry, Malaysia, 1982 - 2025</i>	
Jadual F	Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2025	47
<i>Table F</i>	<i>Employed persons by status of employment, Malaysia, 1982 - 2025</i>	
Jadual G	Indikator tenaga buruh bagi negara terpilih, Mei 2025 - Mei 2026	48
<i>Table G</i>	<i>Labour force indicators for selected countries, May 2025 - May 2026</i>	

Aktiviti ekonomi	: Klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala, sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
Bekerja	: Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji.
Bekerja sendiri	: Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran	: Mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa	: Kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.
Kadar pengangguran	: Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh dalam bentuk peratusan.
Kadar penyertaan tenaga buruh	: Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja dalam bentuk peratusan.
Kategori kemahiran	: Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan dikelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 seperti berikut: Pekerja mahir: 1. Pengurus; 2. Profesional; dan 3. Juruteknik dan profesional bersekutu. Pekerja separuh mahir: 4. Pekerja sokongan perkeranian; 5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan; 6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan; 7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan 8. Operator loji dan mesin, dan pemasang. Pekerja berkemahiran rendah: 9. Pekerja asas.

Bermula Januari 2022, kategori pekerjaan adalah mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 dengan tambahan kumpulan 0 - Angkatan Tentera.

Luar tenaga buruh	: Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
Majikan	: Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, aktiviti ladang atau perusahaan lain dan menggaji sekurang-kurangnya seorang pekerja dalam perniagaan atau perusahaannya.
Nisbah guna tenaga kepada penduduk	: Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja.
Pekerja	: Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran berbentuk mata benda.
Pekerja keluarga tanpa gaji	: Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain.
Penganggur	: Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
Penganggur aktif	: Mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.
Penganggur tidak aktif	: Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkeelayakan; mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.
Tenaga buruh	: Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 - 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.

Actively unemployed : Persons who were available for work and were actively looking for a job during the reference week.

Category of skills : For reporting purposes, the category of occupation is regrouped into three levels of skills based on the Malaysia Standard Classification of Occupation (MASCO) 2013 as follows:

Skilled workers:

1. Managers;
2. Professionals; and
3. Technicians and associate professionals.

Semi-skilled workers:

4. Clerical support workers;
5. Services and sales workers;
6. Skilled agricultural, forestry, livestock, and fishery workers;
7. Craft and related trades workers; and
8. Plant and machine operators and assemblers.

Low-skilled workers:

9. Elementary occupations.

Starting in January 2022, the category of occupation is based on the Malaysia Standard Classification of Occupation (MASCO) 2020 with the addition of group 0 - Armed Forces occupations.

Economic activity : Classification of industries according to the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 version 1.0 into five main sectors: Agriculture, Mining & quarrying, Manufacturing, Construction and Services. In the meantime, Manufacturing and Services are further disaggregated into sub-sectors.

Employed : All persons who, at any time during the reference week worked at least one hour for pay, profit or family gain either as an employer, employee, own-account worker, or unpaid family worker.

Employee : A person who works for a public or private employer and receives regular remuneration in wages, salary, commission, tips or payment in kind.

Employer : A person who operates a business, a plantation or other trade and employs at least one employee in his business or trade.

Employment-to-population ratio : The proportion of the employed population to the working-age population.

• GLOSSARY •

<i>Inactively unemployed</i>	<i>: Did not look for work because they believed no work was available or that they were not qualified; Would have looked for work if they had not been temporarily ill or had it not been for weather conditions; and had looked for work prior to the reference week and were waiting for the result of job applications.</i>
<i>Labour force participation rate</i>	<i>: The ratio of the labour force to the working-age population, expressed as a percentage.</i>
<i>Outside labour force</i>	<i>: All persons not classified as employed or unemployed are classified as outside the labour force. This category consists of housewives, students (including those going for further studies), retired, disabled persons and those not interested in looking for a job.</i>
<i>Own-account worker</i>	<i>: A person who operates his own farm, business or trade without employing any paid workers to conduct his farm, trade or business.</i>
<i>Skill-related underemployment</i>	<i>: Those with tertiary education and working in the semi-skilled and low-skilled categories.</i>
<i>Time-related underemployment</i>	<i>: A group of people who were employed less than 30 hours per week during the reference week because of the nature of their work or due to insufficient work and were able and willing to accept additional hours of work. Persons who were employed more than 30 hours per week during the reference week are considered to be in full employment.</i>
<i>Unemployed</i>	<i>: Those who did not work during the reference week were classified into two groups, which are actively and inactively unemployed.</i>
<i>Unemployment rate</i>	<i>: The proportion of the unemployed population to the total population in the labour force, expressed as a percentage.</i>
<i>Unpaid family worker</i>	<i>: A person who works without pay or wages on a farm, business or trade operated by another member of the family.</i>

AKRONIM

AI	:	Kecerdasan Buatan
DOSM	:	Jabatan Perangkaan Malaysia
E&E	:	Elektrik & Elektronik
FDI	:	Pelaburan Langsung Asing
ILO	:	<i>International Labour Organization</i>
IP	:	Indeks Pelopor
KDNK	:	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPTB	:	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
LNG	:	Gas Asli Cecair
MASCO	:	Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MSIC	:	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
ODIN	:	<i>Open Data Inventory</i>
ODW	:	<i>Open Data Watch</i>
STB	:	Survei Tenaga Buruh
TVET	:	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional

<i>AI</i>	:	<i>Artificial Intelligence</i>
<i>DOSM</i>	:	<i>Department of Statistics Malaysia</i>
<i>E&E</i>	:	<i>Electrical & Electronics</i>
<i>FDI</i>	:	<i>Foreign Direct Investment</i>
<i>GDP</i>	:	<i>Gross Domestic Product</i>
<i>ILO</i>	:	<i>International Labour Organization</i>
<i>LNG</i>	:	<i>Liquefied Natural Gas</i>
<i>LFPR</i>	:	<i>Labour Force Participation Rate</i>
<i>LFS</i>	:	<i>Labour Force Survey</i>
<i>LI</i>	:	<i>Leading Index</i>
<i>MASCO</i>	:	<i>Malaysia Standard Classification of Occupation</i>
<i>MSIC</i>	:	<i>Malaysia Standard Industrial Classification</i>
<i>ODIN</i>	:	<i>Open Data Inventory</i>
<i>ODW</i>	:	<i>Open Data Watch</i>
<i>TVET</i>	:	<i>Technical and Vocational Education Training</i>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

TENAGA BURUH, MALAYSIA MEI 2026

Kadar pengangguran Mei kekal pada **3.0 peratus**, merekodkan bilangan penganggur seramai 513.4 ribu orang

TENAGA BURUH

Mei 2026



17.34
juta

▲ +0.1%

Tenaga buruh terus mencatatkan peningkatan pada Mei 2026

APRIL 2026
17.33
juta

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

70.9%

↔ 0.0 mp

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) bagi Mei 2026 kekal tidak berubah pada 70.9 peratus

APRIL 2026
70.9%

KPTB mengikut jantina

Lelaki **82.9%** Perempuan **57.3%**

KADAR PENGANGGURAN

Mei 2026

3.0%

Kadar pengangguran Mei kekal pada 3.0 peratus

↔ 0.0 mp

APRIL 2026: 3.0%

PENGANGGUR




513.4
ribu

▲ +0.3%

APRIL 2026
511.8
ribu

Penganggur mengikut kategori



Penganggur aktif

MEI 2026: 408.0 ribu
APRIL 2026: 407.1 ribu

▲ +0.2%

Penganggur tidak aktif

MEI 2026: 105.5 ribu
APRIL 2026: 104.7 ribu

▲ +0.7%

PENDUDUK BEKERJA

Mei 2026



16.82
juta

▲ +0.1%

APRIL 2026
16.82
juta

Nisbah guna tenaga kepada penduduk

68.8%

↔ 0.0 mp

APRIL 2026
68.8%

Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan



Pekerja kekal sebagai kategori guna tenaga terbesar, merangkumi 75.0 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada Mei 2026

LUAR TENAGA BURUH

APRIL 2026
7.10 juta



MEI 2026
7.10 juta

▲ +0.04%

Komponen terbesar luar tenaga buruh adalah kerja rumah/tanggungjawab keluarga



Kerja rumah/
tanggungjawab keluarga
43.3%



Bersekolah/latihan
40.5%

Nota: mp Mata peratus

% Peratus perubahan (bulan ke bulan)

↔ Tidak berubah



@StatsMalaysia

BANI 26
BANCI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA MADANI
kesejahteraan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
KEUPAT PISIR/LOKA
DI DUNIA

20 Oktober

2016 - 2030

KONSEP DAN DEFINISI

Apa itu Survei Tenaga Buruh (STB)?

Survei Tenaga Buruh (STB) dilaksanakan untuk mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran dari aspek penawaran tenaga buruh.

STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi semua daerah pentadbiran di semua negeri di Malaysia menggunakan pendekatan *multi-modal data collection* melalui temu ramah bersemuka dan *Computer-Assisted Telephone Interview (CATI)*

STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization (ILO)*.

Populasi penyiasatan merangkumi penduduk yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, hospital, asrama, penjara dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.

TENAGA BURUH

- Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir).
- Sama ada bekerja atau menganggur semasa minggu rujukan.

BEKERJA

- Orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
- Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- Mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

PENGANGGUR

- Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari kerja.
- Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

LUAR TENAGA BURUH

- Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur.
- Contoh: suri rumah, pelajar, mereka yang telah bersara atau tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

KADAR PENGANGGURAN

- Perkadaran penduduk yang menganggur (tidak bekerja) kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh.
- Peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

- Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi.
- Pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut.
- Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.
- Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus.

PELARASAN MUSIM

- Data siri masa adalah amat berguna untuk ahli ekonomi, pembuat dasar & keputusan serta penganalisis siri masa untuk mengenal pasti ciri-ciri penting siri ekonomi seperti arah aliran, *turning point* dan konsistensi antara penunjuk ekonomi yang lain. Kadangkala ciri ini sukar untuk diperhatikan kerana pergerakan bermusim. Oleh itu, sekiranya kesan bermusim boleh disingkirkan, arah aliran data siri ini dapat dilihat dengan lebih baik. Anggaran dan penyingkiran kesan bermusim dipanggil pelarasan bermusim.
- Pelarasan bermusim adalah satu proses untuk mengenal pasti dan menyingkirkan bentuk pola bermusim yang biasa berlaku dalam tempoh satu tahun, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/ berdagang bagi suatu tempoh. Objektif utama proses ini adalah untuk menyerlahkan arah aliran dan pergerakan-pergerakan jangka pendek dalam siri ini.
- Di Malaysia, kebanyakan data siri masa dipengaruhi oleh kesan bermusim. Oleh itu, untuk menghapus dan melaraskan kesan bermusim data siri masa ekonomi Malaysia, pakej standard pelarasan bermusim, X-12 ARIMA telah digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.



MALAYSIA LABOUR FORCE, MAY 2026

May's unemployment rate remained at **3.0 per cent**, recording the number of unemployed at 513.4 thousand persons

LABOUR FORCE

May 2026



17.34
million

▲ +0.1%

The labour force continued its upward trend in May 2026

APRIL 2026

17.33
million

LABOUR FORCE PARTICIPATION RATE

70.9%

↔ 0.0 pp

The labour force participation rate (LFPR) for May 2026 remained unchanged at 70.9 per cent

APRIL 2026

70.9%

LFPR by sex

Male **82.9%** Female **57.3%**

UNEMPLOYMENT RATE

May 2026

3.0%

May's unemployment rate stood at 3.0 per cent

↔ 0.0 pp

APRIL 2026: 3.0%

UNEMPLOYED




513.4
thousand

▲ +0.3%

APRIL 2026

511.8
thousand

Unemployed by category



Actively unemployed

MAY 2026: 408.0 thousand
APRIL 2026: 407.1 thousand

▲ +0.2%

Inactively unemployed

MAY 2026: 105.5 thousand
APRIL 2026: 104.7 thousand

▲ +0.7%

EMPLOYED PERSONS

May 2026



16.82
million

▲ +0.1%

APRIL 2026

16.82
million

Employment-to-population ratio

68.8%

↔ 0.0 pp

APRIL 2026

68.8%

Employed persons by status in employment



The employees' remained as the largest employment category, accounting for **75.0 per cent** from the total employed persons in May 2026

OUTSIDE LABOUR FORCE

APRIL 2026
7.10 million



MAY 2026

7.10 million

▲ +0.04%

The largest component of the outside labour force was housework/family responsibilities



Housework/family responsibilities
43.3%



Schooling/training
40.5%

Notes: pp Percentage point
% Percentage change (month-on-month)
↔ Unchanged



@StatsMalaysia

BK26
BANCI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA
MADANI
kesejahteraan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
NUMBER ONE
IN THE WORLD

20 October

2016 - 2030



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

CONCEPTS AND DEFINITIONS

What is Labour Force Survey (LFS)?

Labour Force Survey (LFS) was conducted to collect information on the structure and distribution of labour force, employment and unemployment from the perspective of labour supply.

LFS encompasses both urban and rural areas for all administrative districts within all states in Malaysia using multi-modal data collection approach through the personal interview and a Computer-Assisted Telephone Interview (CATI).

The LFS are conducted based on the standard guidelines and recommendations of the International Labour Organization (ILO).

The survey population comprises persons who live in the private living quarters, hence excludes persons residing in institutions such as hotels, hospitals, hostels, prisons, and workers residing in construction worksite.

The working age for the analysis of LFS in Malaysia refers to household members between the age of 15 to 64 years during the reference week, who are either in the labour force or outside the labour force.

LABOUR FORCE

- The population in the working age group of 15 to 64 years (in completed years at last birthday).
- Either employed or unemployed in the reference week.

EMPLOYED

- Persons who, at any time during the reference week worked at least one hour for pay, profit or family gain (as an employer, employee, own-account worker or unpaid family worker).
- Persons who did not work during the reference week because of illness, injury, bad weather, leave, labour dispute and social or religious reasons but had a job, farm, enterprise or other family enterprise to return to.
- Those on temporary lay-off with pay who would definitely be called back to work.

UNEMPLOYED

- Those who did not work during the reference week but are interested to work and seeking for a job.
- Classified into two groups which are actively and inactively unemployed.

OUTSIDE LABOUR FORCE

- All persons not classified as employed or unemployed.
- Example: housewives, students, retirees, disabled persons and those not interested in looking for job.

UNEMPLOYMENT RATE

- The proportion of the unemployed population to the total population in labour force.
- Percentage of the unemployed population in the labour force.

LABOUR FORCE PARTICIPATION RATE

- The economic activity of a population depends on the demographic characteristics of that population.
- The proportion of the economically active population, hence differs between sub-groups of that population.
- These variations are measured by specific activity rates termed as labour force participation rate.
- Labour force participation rate is defined as the ratio of the labour force to the working age population (15 to 64 years), expressed as a percentage.

SEASONAL ADJUSTMENT

- Time-series data are very useful for economist, policy & decision makers and time-series analysts to identify the important features of economics series such as direction, turning point and consistency between other economic indicators. Sometimes this feature is difficult to observe because of seasonal movements. Thus, if seasonal effect can be removed, the behaviour of the series would be better viewed. The estimation and removal of the seasonal effects is called seasonal adjustment.
- Seasonal adjustment is a process to identify and to remove the regular within-a-year seasonal pattern, which may also include the influences of moving holidays and working/trading days effect in each period. The ultimate objective of the process is to highlight the underlying trends and short-term movements in the series.
- In Malaysia, most of the time series data is affected by seasonal effects. Hence, to eliminate the seasonal effect as well as to seasonally adjust the Malaysian economic time series data, a standard seasonal adjustment package, X-12 ARIMA was used by the Department of Statistics Malaysia.



@StatsMalaysia



NOTA PENERANGAN

EXPLANATORY NOTES

Statistik Survei Tenaga Buruh (STB) bulanan bagi tahun 2026 dianggar menggunakan data unjuran berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini.

Pada masa yang sama, pelarasan semula dilaksanakan bagi data STB bulanan secara berperingkat bermula dengan data Disember 2025 berdasarkan data anggaran penduduk semasa yang terkini.

The monthly Labour Force Survey (LFS) statistics for 2026 are estimated using projection data based on the latest current population estimates.

On the same note, revisions are carried out on monthly LFS data in stages beginning with December 2025 data based on the latest current population estimates.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

1 Ringkasan Penemuan

Summary of Findings



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

SOROTAN UTAMA

- Bilangan **penduduk bekerja** pada Mei 2026 terus bertambah pada kadar sederhana, meningkat sebanyak **0.1 peratus (+9.0 ribu orang)** kepada **16.82 juta orang** berbanding bulan sebelumnya (April 2026: 16.82 juta orang). **Nisbah guna tenaga kepada penduduk**, yang menunjukkan keupayaan sesebuah ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, kekal tidak berubah iaitu **68.8 peratus** pada Mei 2026, sama seperti pada bulan sebelumnya.
- Dari perspektif sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama kepada jumlah guna tenaga pada bulan tersebut, dengan aktiviti Perdagangan borong dan runcit; aktiviti Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; serta Maklumat & komunikasi meliputi sumbangan terbesar dalam guna tenaga. Sektor utama lain, termasuk Pembuatan, Pembinaan, Pertanian, serta Perlombongan & pengkuarian, turut mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada Mei 2026.
- **Pekerja** kekal sebagai kategori guna tenaga terbesar, merangkumi **75.0 peratus** daripada jumlah penduduk bekerja pada Mei 2026. Bilangan pekerja meningkat sebanyak **0.04 peratus (+5.1 ribu orang)** kepada **12.61 juta orang** (April 2026: 12.61 juta orang). Sementara, bilangan **penduduk bekerja sendiri** meningkat **0.1 peratus (+3.2 ribu orang)** kepada **3.15 juta orang** (April 2026: 3.15 juta orang).
- Bilangan **penganggur** pada Mei 2026 meningkat sedikit kepada **513.4 ribu orang**, dengan pertambahan **0.3 peratus (+1.6 ribu orang)** daripada 511.8 ribu orang pada April 2026. **Kadar pengangguran** Mei kekal pada **3.0 peratus**, tidak berubah berbanding kadar yang direkodkan pada bulan sebelumnya.
- Pada Mei 2026, **tenaga buruh** terus mencatatkan peningkatan, bertambah sebanyak **0.1 peratus (+10.6 ribu orang)** kepada **17.34 juta orang** (April 2026: 17.33 juta orang). Sementara itu, **kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** kekal tidak berubah pada **70.9 peratus**, sama seperti pada bulan April yang lalu.
- Bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** pada Mei 2026 merekodkan peningkatan marginal **0.04 peratus (+2.6 ribu orang)** kepada **7.10 juta orang** (April 2026: 7.10 juta orang). Komponen terbesar luar tenaga buruh adalah **kerja rumah/tanggungjawab keluarga**, merangkumi **43.3 peratus**, diikuti oleh kategori **bersekolah/latihan** yang meliputi **40.5 peratus**.
- Pasaran buruh Malaysia dijangka terus kekal berdaya tahan dalam tempoh beberapa bulan akan datang, disokong oleh keadaan ekonomi domestik yang menggalakkan, aktiviti pelaburan yang berterusan serta kemajuan transformasi struktur ekonomi negara. Walaupun ketidakpastian luaran berpotensi mempengaruhi aktiviti pengambilan pekerja dalam industri tertentu, kedudukan pasaran buruh secara keseluruhannya dijangka terus stabil. Usaha berterusan untuk meningkatkan produktiviti buruh, memperkukuh pengadaptasian tenaga kerja serta mempertingkatkan padanan antara penawaran buruh dengan permintaan industri akan terus menjadi faktor penting dalam mengekalkan peluang pekerjaan yang berkualiti dan menyokong pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

TENAGA BURUH MALAYSIA TERUS MEREKODKAN PERTUMBUHAN SEDERHANA PADA MEI 2026, SELARI DENGAN TRANSFORMASI BERTERUSAN KE ARAH STRUKTUR INDUSTRI BERTEKNOLOGI TINGGI DAN BERASASKAN KEMAHIRAN

Pasaran buruh Malaysia terus berkembang pada Mei 2026 selaras dengan prestasi ekonomi negara yang kekal positif, meskipun berdepan persekitaran global yang mencabar. Momentum pertumbuhan ekonomi disokong oleh aktiviti perdagangan luar negeri yang kukuh, dengan Malaysia merekodkan jumlah nilai perdagangan melebihi RM1 trilion bagi tempoh empat bulan pertama tahun 2026¹. Pencapaian ini mencerminkan pengukuhan sektor perdagangan dan perindustrian, yang terus menyokong pertumbuhan ekonomi serta mengekalkan permintaan terhadap tenaga buruh.

Dalam konteks ini, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam sektor berteknologi tinggi, ekonomi digital dan industri bernilai tambah tinggi, seperti semikonduktor serta teknologi hijau, terus memperkukuh pembentukan struktur ekonomi yang dipacu oleh teknologi². Pelaburan ini meningkatkan kapasiti pengeluaran industri di samping menggalakkan pembangunan ekosistem perindustrian dan rangkaian nilai berasaskan teknologi. Selain itu, aliran masuk FDI turut menyumbang kepada pewujudan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, khususnya dalam industri pembuatan berteknologi dan industri berkaitan digital yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi serta berasaskan pengetahuan³.

Dari perspektif penawaran tenaga buruh, usaha memperkasa kemahiran dan meningkatkan kebolehpasaran tenaga buruh terus dipergiat, termasuk dalam kalangan peserta ekonomi gig⁴. Inisiatif ini menyokong pembangunan ekosistem pekerjaan berasaskan kemahiran di samping memperluas akses kepada peluang pekerjaan berkemahiran dalam pasaran buruh⁵. Secara keseluruhannya, perkembangan ini mencerminkan daya tahan tenaga buruh Malaysia yang terus merekodkan pertumbuhan sederhana pada bulan tersebut, selaras dengan transformasi berterusan ke arah struktur industri berteknologi tinggi dan berasaskan kemahiran.

Di samping itu, prospek ekonomi Malaysia dalam tempoh terdekat kekal optimistik, seperti yang ditunjukkan oleh Indeks Pelopor (IP), yang meningkat sebanyak 1.29 peratus kepada 115.0 mata pada April 2026 berbanding 113.5 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Dari segi bulan ke bulan, IP meningkat sebanyak 1.25 peratus pada April 2026 berbanding bulan sebelumnya. Sementara itu, trend jangka panjang terlicin IP pada April 2026 kekal berada di bawah paras 100.0 mata, mengisytiharkan penyederhanaan momentum pertumbuhan berikutan ketidakpastian global, termasuk tekanan inflasi yang berterusan. Walau bagaimanapun, aktiviti pelaburan yang berterusan serta permintaan terus terhadap teknologi digital dan pusat data dijangka akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Sementara itu, prestasi perdagangan luar negeri Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang lebih sederhana pada Mei 2026, berbanding pertumbuhan kukuh dua digit yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Eksport meningkat sebanyak 0.4 peratus (April 2026: 23.2%), manakala import menurun 6.8 peratus setelah mencatatkan pertumbuhan 23.9 peratus pada April 2026.

¹ <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2026/05/1360666/perdagangan-luar-malaysia-pecah-rekod-lepasi-rm1-trilion-dalam-4-bulan>

² <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/insentif-pelaburan-bantu-bangunkan-ekosistem-industri-tengku-zafrul>

³ <https://www.utusanborneo.com.my/2026/05/31/sarawak-rekod-pelaburan-rm116-bilion-dari-korea-selatan>

⁴ <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/05/1562618/kesuma-perkukuh-ekosistem-pekerja-gig-menerusi-latihan-dan>

⁵ <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/kesuma-perkukuh-agenda-pekerjaan-berkualiti-pacu-gaji-lebih-baik>

2 PENDUDUK BEKERJA


Bilangan penduduk bekerja pada Mei 2026 terus bertambah pada kadar yang sederhana

Bilangan **penduduk bekerja** pada Mei 2026 terus bertambah pada kadar sederhana, meningkat sebanyak **0.1 peratus (+9.0 ribu orang)** kepada **16.82 juta orang** berbanding bulan sebelumnya (April 2026: 16.82 juta orang). Berdasarkan anggaran pelarasan bermusim, bilangan penduduk bekerja merekodkan peningkatan kecil 0.04 peratus bulan ke bulan.

Dari perspektif sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama kepada jumlah guna tenaga pada bulan tersebut, dengan aktiviti Perdagangan borong dan runcit; aktiviti Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; serta Maklumat & komunikasi meliputi sumbangan terbesar dalam guna tenaga. Sektor utama lain, termasuk Pembuatan, Pembinaan, Pertanian, serta Perlombongan & pengkuarian, turut mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada Mei 2026.


Nisbah guna tenaga kepada penduduk, yang menunjukkan keupayaan sesebuah ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, kekal tidak berubah iaitu **68.8 peratus** pada Mei 2026, sama seperti pada bulan sebelumnya [Paparan 1].

Paparan 1: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, April dan Mei 2026



Pekerja kekal sebagai kategori guna tenaga terbesar, merangkumi **75.0 peratus** daripada jumlah penduduk bekerja pada Mei 2026. Bilangan pekerja meningkat sebanyak **0.04 peratus (+5.1 ribu orang)** kepada **12.61 juta orang** (April 2026: 12.61 juta orang). Sementara, bilangan **penduduk bekerja sendiri** meningkat **0.1 peratus (+3.2 ribu orang)** kepada **3.15 juta orang** (April 2026: 3.15 juta orang). Kumpulan ini terdiri daripada individu yang berpendapatan harian yang terlibat dengan aktiviti berskala kecil seperti peruncit, penjaja, peniaga pasar dan gerai, serta pekebun kecil [Carta 1].

Carta 1: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, April dan Mei 2026




Pada masa yang sama, bilangan **penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu** pada Mei 2026 meningkat sebanyak **3.6 peratus (+3.2 ribu orang)** kepada **93.7 ribu orang** (April 2026: 90.5 ribu orang). Kumpulan ini merangkumi individu yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi tidak diklasifikasikan sebagai penganggur, kerana mereka masih mempunyai pekerjaan untuk kembali bekerja.

3 PENGANGGURAN

Kadar pengangguran Mei kekal pada 3.0 peratus

Bilangan **penganggur** pada Mei 2026 meningkat sedikit kepada **513.4 ribu orang**, dengan pertambahan **0.3 peratus (+1.6 ribu orang)** daripada 511.8 ribu orang pada April 2026. **Kadar pengangguran** Mei kekal pada **3.0 peratus**, tidak berubah berbanding kadar yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Berdasarkan terma pelarasan bermusim, bilangan penganggur juga merekodkan peningkatan 0.3 peratus, sekali gus mencatatkan kadar pengangguran 3.0 peratus [Paparan 2].

Paparan 2: Pengangguran, April dan Mei 2026




Mengikut kategori pengangguran, **79.5 peratus** daripada jumlah penganggur pada Mei 2026 adalah mereka yang sedang aktif mencari pekerjaan, atau **penganggur aktif**. Kategori ini naik **0.2 peratus (+0.9 ribu orang)** kepada **408.0 ribu orang** (April 2026: 407.1 ribu orang). Dalam kalangan penganggur aktif, **63.9 peratus** merupakan mereka yang **menganggur kurang daripada tiga bulan**, manakala mereka yang telah **menganggur melebihi setahun**⁶ merangkumi **5.0 peratus**.

Pada masa yang sama, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, atau **penganggur tidak aktif**, turut mencatatkan peningkatan, naik **0.7 peratus (+0.8 ribu orang)** kepada **105.5 ribu orang** berbanding 104.7 ribu orang pada April 2026 [Carta 2].


⁶ Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Sumber: KILM: Long-term unemployment)
https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf

Carta 2: Kategori penganggur dan tempoh menganggur bagi penganggur aktif, April dan Mei 2026



Kadar pengangguran bagi belia berumur **15 hingga 24 tahun** kekal pada **10.2 peratus**, dengan bilangan penganggur belia berjumlah **291.6 ribu orang** pada Mei 2026 (April 2026: 290.8 ribu orang). Begitu juga, kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur **15 hingga 30 tahun** tidak berubah pada **6.3 peratus**, mencatatkan seramai **396.0 ribu penganggur belia** (April 2026: 394.7 ribu orang) [Carta 3].

Carta 3: Bilangan penganggur dan kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, April dan Mei 2026




4 TENAGA BURUH

KPTB bagi Mei 2026 kekal tidak berubah pada 70.9 peratus

Pada Mei 2026, **tenaga buruh** terus mencatatkan peningkatan, bertambah sebanyak **0.1 peratus (+10.6 ribu orang)** kepada **17.34 juta orang** (April 2026: 17.33 juta orang). Sementara itu, **kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** kekal tidak berubah pada **70.9 peratus**, sama seperti pada bulan April yang lalu. Berdasarkan pelarasan bermusim, tenaga buruh merekodkan sedikit peningkatan bulan-ke-bulan sebanyak 0.03 peratus, manakala KPTB kekal berada pada paras 70.9 peratus [Paparan 3].


Paparan 3: Tenaga buruh dan KPTB, April dan Mei 2026



Mengikut jantina, kedua-dua tenaga buruh lelaki dan perempuan merekodkan sedikit peningkatan pada Mei 2026. **Tenaga buruh lelaki** naik kepada **10.79 juta orang** (April 2026: 10.78 juta orang), manakala **tenaga buruh perempuan** bertambah sedikit kepada **6.55 juta orang** (April 2026: 6.55 juta orang).

Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) bagi kedua-dua jantina kekal tidak berubah daripada April 2026, dengan **KPTB lelaki** kekal pada paras **82.9 peratus**, manakala **KPTB perempuan** pada **57.3 peratus** [Paparan 4].

Paparan 4: Tenaga buruh dan KPTB mengikut jantina, April dan Mei 2026




5 LUAR TENAGA BURUH

Komponen terbesar luar tenaga buruh adalah kerja rumah/tanggungjawab keluarga

Bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** pada Mei 2026 merekodkan peningkatan marginal **0.04 peratus (+2.6 ribu orang)** kepada **7.10 juta orang** (April 2026: 7.10 juta orang). Komponen terbesar luar tenaga buruh adalah **kerja rumah/tanggungjawab keluarga**, merangkumi **43.3 peratus**, diikuti oleh kategori **bersekolah/latihan** yang meliputi **40.5 peratus** [Carta 4].

Carta 4: Peratus sumbangan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, April dan Mei 2026



6 MENUJU KE HADAPAN

Pasaran buruh Malaysia dijangka terus kekal berdaya tahan dalam tempoh beberapa bulan akan datang, disokong oleh keadaan ekonomi domestik yang menggalakkan, aktiviti pelaburan yang berterusan serta kemajuan transformasi struktur ekonomi negara

Persekitaran ekonomi global dijangka terus berdepan ketidaktentuan dalam tempoh terdekat berikutan konflik geopolitik yang berlanjutan, ketegangan perdagangan antarabangsa serta turun naik harga tenaga dunia. Walaupun tekanan inflasi di kebanyakan negara menunjukkan tanda-tanda semakin mereda, risiko yang berkaitan dengan gangguan bekalan tenaga, perubahan harga komoditi dan kelembapan pertumbuhan ekonomi global dijangka terus mempengaruhi keyakinan pelabur serta prospek perdagangan antarabangsa. Situasi ini dijangka akan terus menjadi cabaran utama kepada ekonomi yang bergantung kepada sektor perdagangan dan permintaan luar⁷.

Di sebalik ketidaktentuan persekitaran global, ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan dan mampu meneruskan pertumbuhan yang mampan. Keadaan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, pelaburan yang terus berkembang serta prestasi positif dalam pelbagai sektor ekonomi utama. Struktur ekonomi negara yang lebih pelbagai, disokong oleh pelaksanaan projek pembangunan strategik dan peningkatan pelaburan dalam industri bernilai tambah tinggi, dijangka akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi domestik. Faktor-faktor ini dijangka membantu mengurangkan sebahagian daripada kesan kelembapan ekonomi global sekali gus mengekalkan prospek pertumbuhan negara pada landasan yang positif dalam tempoh terdekat⁸.

Indikator ekonomi semasa turut memperkukuh keyakinan terhadap daya tahan ekonomi negara. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia berkembang sebanyak 5.4 peratus pada suku pertama 2026, melepasi jangkaan awalan, didorong oleh pertumbuhan yang lebih menyeluruh dalam sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan. Kedudukan pasaran buruh yang stabil terus menyokong perbelanjaan isi rumah, manakala aktiviti pelaburan swasta kekal rancak hasil keyakinan pelabur, peluasan kapasiti pengeluaran serta pelaksanaan projek pembangunan utama. Secara

⁷ <https://www.reuters.com/business/outgoing-imf-chief-economist-sees-risks-shifting-trade-ties-continued-2026-06-26/>

⁸ <https://www.bnm.gov.my/-/monetary-policy-statement-07052026>

keseluruhannya, perkembangan ini menunjukkan bahawa asas ekonomi domestik kekal kukuh untuk menyokong pertumbuhan ekonomi sehingga separuh kedua tahun ini⁹.

Dalam tempoh yang akan datang, pelaburan dijangka terus menjadi antara pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pengembangan industri elektrik dan elektronik (E&E), pembuatan semikonduktor, perkhidmatan digital, kecerdasan buatan (AI), pengkomputeran awan serta pembangunan pusat data dijangka akan terus meningkatkan daya saing Malaysia dalam rantai bekalan serantau sambil mewujudkan peluang baharu untuk pengembangan perniagaan. Pada masa yang sama, pelaksanaan pelan induk kebangsaan dan inisiatif pelaburan strategik dijangka mewujudkan kesan limpahan yang lebih luas kepada industri sokongan, seterusnya merangsang aktiviti ekonomi domestik dalam jangka sederhana¹⁰.

